

04 SEP 1996

## KADAR FAEDAH DAN PERSAINGAN MUNGKIN MENJEJAS KEPUTUSAN SYARIKAT

Oleh: Jeffri Rafiee

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- "Tiada banyak kejutan" merupakan kenyataan yang sering dikeluarkan oleh kebanyakan penganalisis pelaburan bila diminta mengulas mengenai keputusan-keputusan syarikat bagi separuh tahun kewangan yang berakhir 30 Jun, 1996.

"Setakat ini, mereka adalah seperti yang dijangkakan atau lebih tinggi," salah seorang daripada mereka berkata.

Beliau mengaitkan pencapaian korporat yang baik yang dilaporkan setakat ini oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, yang tempoh kewangan berakhir pada 31 Dis, kepada pertumbuhan ekonomi negara yang bertahan lebih daripada lapan peratus setahun.

"Tetapi, anda tidak boleh memperoleh apa-apa daripada keputusan sementara," kata seorang penganalisis sambil menambah bahawa "Yang perlu diambil kira ialah keputusan sepenuh tahun."

Bila ditanya mengenai faktor-faktor lain yang dapat memberi kesan kepada pencapaian korporat bagi tahun kewangan yang penuh dan bagi 1997 secara umumnya, penganalisis itu berkata, "Sebenarnya, adalah tidak adil untuk mengulas mengenai keputusan syarikat secara umum."

Sebagai contoh, beliau berkata Powertek Bhd, Malakoff Bhd dan Tenaga Nasional Bhd, mempunyai asas-asas yang berlainan manakala faktor-faktor yang memberi kesan kepada pencapaian mereka juga berbeza walaupun kesemua mereka terlibat secara amnya dalam penjanaan elektrik.

Pada umumnya, syarikat-syarikat yang mempunyai pinjaman yang rendah terlibat dalam industri-industri yang menghadapi persaingan yang lebih kecil dan akan mencatat pencapaian lebih baik, kata sumber-sumber industri dan penganalisis.

Mereka berpendapat bahawa pencapaian korporat dijangka ditarik turun oleh kadar faedah yang tinggi dan persaingan yang lebih sengit, di tengah-tengah pertumbuhan ekonomi yang kekal tinggi.

Secara khusus, syarikat-syarikat dalam sektor kewangan dijangka akan mencatat pencapaian baik kerana mereka akan mendapat faedah secara langsung daripada kadar faedah yang tinggi, kata seorang penganalisis.

Seperti yang disebut oleh pengerusi kumpulan syarikat Arab-Malaysian, Tan Sri Azman Hashim, "ini adalah baik untuk perniagaan" bila dia merujuk kepada prospek-prospek segera Arab-Malaysian Finance Bhd.

Mengenai kadar faedah yang diramal akan turun berikutan mudah tunai negara yang tinggi, para penganalisis berpendapat bahawa satu penurunan dalam kadar faedah tidak berkemungkinan akan segera berlaku walaupun perangkaan bekalan wang yang diterbitkan baru-baru ini membayangkan arah haluan itu.

Bank Negara mengumumkan pada Isnin bahawa pada asas tahunan, agregat wang secara meluas (M3) berkembang 25.1 peratus dalam Julai 1996 berbanding dengan pertumbuhan 22.9 peratus dalam Jun.

"Ianya adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan," kata seorang penganalisis bila memperkatakan tentang perangkaan bekalan wang.

"Berasaskan itu, Bank Negara berkemungkinan akan membantu menaikkan kadar faedah melalui campur tangan dalam pasaran wang, tetapi tidak secara

Beliau berkata kadar faedah akan dikekalkan kukuh dan tidak berkemungkinan akan turun walaupun kedudukan mudah tunai yang mencukupi.

Sementara itu, presiden Persatuan Pelabur-pelabur Malaysia Dr P.H.S. Lim berkata kerajaan telah dengan cemerlang menguruskan mudah tunai negara yang tinggi.

Beliau memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah berkata bahawa menaikkan kadar faedah bukan cara paling baik untuk mengurus mudah tunai.

"Cara Malaysia menyerap mudah tunai ialah dengan melancarkan unit-unit saham amanah," kata Lim sambil merujuk kepada pelancaran Amanah Saham Wawasan 2020 baru-baru ini yang menawarkan unit saham amanah bernilai RM3 bilion.

Menyentuh laporan keputusan separuh tahun oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan, Lim berkata mereka adalah "baik". "Purata, saya dapati pertumbuhan sebanyak 22 peratus."

Beliau berkata pertumbuhan ekonomi negara yang dapat dipertahankan, pertumbuhan eksport yang cemerlang dan penggunaan dalam negeri yang mantap sebagai faktor-faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian baik itu.

Mengenai sektor yang mencatat pencapaian paling baik, beliau menyebut industri pembrokeran saham. "Pencapaian mereka dalam separuh tahun melebihi yang dicatatkan sepanjang tahun lepas," katanya.

Beliau juga memilih sektor-sektor perbankan, makanan dan minuman, bahan-bahan binaan, dan industri-industri berasaskan plastik dan kayu.

"Tetapi, jika anda ingin membuat spekulasi di pasaran saham, papan kedua masih mempunyai potensi paling tinggi kerana ia adalah berasaskan modal yang kecil," kata Lim.

Menyentuh industri pembuatan, ketua eksekutif Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia Tan Keok Yin berkata keputusan-keputusan syarikat pembuatan pada umumnya, "masih dalam arah haluan untuk bertambah baik."

Mengenai sektor kecil yang mencatat pencapaian terbaik, beliau berkata "Saya kira ianya adalah industri-industri yang ada kaitan dengan sektor-sektor pertumbuhan seperti pembinaan dan prasarana."

"Sudah tentu, persaingan dalam kedua-dua pasaran dalam negeri dan antarabangsa telah, sedikit sebanyak, menghakiskan sebahagian daripada pertumbuhan perolehan mereka tetapi ia masih menguntungkan," katanya.

Beliau berkata tidak lama lagi pekilang-pekilang Malaysia akan menghadapi persaingan yang lebih sengit dalam pasaran dalam negeri kerana satu persekitaran yang lebih liberal akan muncul di mana import akan lebih bebas di bawah AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean).

"Kita perlu bersaing secara antarabangsa walaupun dalam negeri kita sendiri," katanya.

Beliau berkata keputusan-keputusan kewangan syarikat-syarikat yang diurus dengan baik dan yang telah merancang strategi perniagaan mereka akan menepati sasaran, jika tidak melebihi sasaran.

Tan berkata sesetengah syarikat besar telah mula mengambil langkah-langkah mengurangkan lebihan kakitangan sebagai persiapan untuk menghadapi persaingan yang lebih sengit.

Pada umumnya, beliau berkata syarikat-syarikat Malaysia telah mengambil kira tentang faktor-faktor persekitaran dan pengaruh-pengaruh kuasa yang berlainan.

"Kita mesti berhati-hati terhadap kos pengendalian dan jawapan terakhir kepada itu ialah memperbaiki mutu anda dan menaikkan tahap kehasilan dan kecekapan kos dan seterusnya - itulah jawapan paling baik," katanya.

"Untuk mencari pengeluar dan pengeksport yang cekap, kita mesti kurangkan kos setiap komponen ekonomi, semua orang di sekeliling rantaian nilai dalam Malaysia boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa," kata Tan.

Sementara para pekilang berusaha sebaik mungkin untuk mengurangkan kos, beliau berkata mereka juga bimbang tentang pembekal-pembekal kemudahan awam seperti Tenaga Nasional yang ingin menaikkan tarif serta kenaikan tarif telekomunikasi, pengangkutan, pengangkutan kontena dan bayaran pembetulan

yang akan memberi kesan kepada kos untuk mengurus niaga. -- BERNAMA  
JR SIA